



**JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

**SIARAN MEDIA**

**MAJLIS PENGANUGERAHAN BIASISWA  
YANG DI-PERTUAN AGONG (BYDPA) TAHUN 2023**

---

**Kuala Lumpur, 12 Julai 2023** - KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah berkenan berangkat ke Majlis Penganugerahan Biasiswa Yang di-Pertuan Agong Tahun 2023 di Istana Negara, hari ini.

Pada majlis ini, Seri Paduka Baginda berkenan mengurniakan Biasiswa Yang di-Pertuan Agong kepada sebelas (11) penerima iaitu enam (6) orang di peringkat Doktor Falsafah (Ph.D) dan lima (5) orang di peringkat Sarjana (Penyelidikan).

Lima (5) orang penerima akan melanjutkan pengajian di universiti terkemuka luar negara, manakala enam (6) orang penerima lagi akan melanjutkan pengajian di universiti penyelidikan tempatan pada tahun ini.

Biasiswa Yang di-Pertuan Agong atau BYDPA merupakan biasiswa berprestij negara yang mula diperkenalkan pada tahun 2006 dan sehingga tahun 2023 sebanyak 18 sesi penawaran telah dilaksanakan.

Sehingga tahun ini, seramai 198 warganegara Malaysia telah menerima penajaan BYDPA iaitu 100 orang di peringkat Ph.D dan 98 orang di peringkat Sarjana untuk pengajian dalam bidang Ekonomi, Undang-Undang, Sains & Teknologi serta Kewangan Islam.

Jabatan Perkhidmatan Awam merakamkan ucapan tahniah kepada semua penerima BYDPA Tahun 2023 dan diharapkan dapat menamatkan pengajian dengan cemerlang, seterusnya memberikan sumbangan dan membanggakan negara.

**####**

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

Tarikh : 12 Julai 2023

E-mel : [komunikasi@jpa.gov.my](mailto:komunikasi@jpa.gov.my)

No.Rujukan : JPA.100-9/1/2 Jld.2 (47)

## SENARAI PENERIMA BYDPA TAHUN 2023

### CALON DOKTOR FALSAFAH (Ph.D)

BIL.	NAMA	UNIVERSITI & PENGKHUSUSAN
1.	Wan Nur Hanisah binti Wan Noor Azam Shah	University College London, <i>Machine Learning</i>
2.	Muhammad Nasri bin Nasehir Khan	Universiti Sains Malaysia, <i>Environmental Science</i>
3.	Izzati Izyani binti Japar	University College London, <i>Mathematics &amp; Statistics</i>
4.	Chia Yuh Cai	Universiti Kebangsaan Malaysia, <i>Genetic &amp; Heredity</i>
5.	Siti Saffa' binti Shahrudin	Universiti Islam Antarabangsa, Kewangan Islam
6.	Wong Whui Dong	Universiti Malaya, <i>Nanotechnology</i>

### CALON SARJANA (PENYELIDIKAN)

BIL.	NAMA & UNIVERSITI	BIDANG PENGAJIAN
1.	Thenesh a/l Anbalagan	Harvard University, <i>International Law</i>
2.	Nurul Juliana Syafinaz binti Abu Sopian	Universiti Putra Malaysia, <i>Veterinary Immunology</i>
3.	Nurul Najwa binti Asip	Universiti Putra Malaysia, <i>Food Technology</i>
4.	Faten Hanani binti Muhamad Hakimi	University College London, <i>Earth Science</i>
5.	Yashvinnie a/p Velaudam	King's College, <i>Immunology</i>